

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
<b>1/2010</b>	<b>02/02/2010</b>	<p><b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI RANCANGAN PEMBANGUNAN</b></p> <p><b>1. KERTAS JPN Sel. Bil.1/1/2010</b> <b>Kajian Semula Rancangan Fizikal Negara (RFN 2).</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. Mengambil maklum mengenai penyediaan Draf RFN 2 dan bersetuju ianya dibawa kepada MPFN untuk kelulusan.</p> <p>ii. JPBD Selangor diarah supaya membuat semakan terhadap Draf RFN 2 berbanding RFN sedia ada dan mengambilkira dasar-dasar yang berkaitan untuk diterjemah di dalam perancangan pembangunan di Negeri Selangor.</p> <p>iii. Dasar-dasar mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan lembangan sungai di Negeri Selangor diambilkira di dalam penyediaan RFN 2. Empat (4) lembangan sungai sedia ada di Negeri Selangor adalah Lembangan Sungai Langat, Lembangan Sungai Selangor, Lembangan Sungai Bernam dan Lembangan Sungai Klang.</p>
		<b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI RANCANGAN PEMBANGUNAN</b>	

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>2. KERTAS JPN Sel. Bil.2/1/2010</b></p> <p><b>Cadangan Permohonan Projek-Projek Rancangan Pembangunan Negeri Selangor Bagi tempoh RMK-10.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. Permohonan dibuat oleh JPBD Negeri Selangor melalui JPBD Semenanjung Malaysia melibatkan senarai projek-projek Rancangan Pembangunan yang dicadangkan di bawah RMK-10 bagi Negeri Selangor.</p>
		<p><b>3. KERTAS JPN Sel. Bil. 3/1/2010</b></p> <p><b>Permohonan Pertimbangan Dan Kelulusan Jawatankuasa Terhadap Arahan Kepada Pemaju Tetuan Centralfields Sdn.Bhd. Untuk Meminda Pelan Susunatur Bagi Sebahagian Kawasan Pembangunan Seluas 300.00 Ekar Di Nusa Rhu, Seksyen U10, Shah Alam Yang Terlibat Dengan Cadangan Jalan Keluar Masuk Ke Tapak Pembangunan Tetuan Tani Kukuh Sdn.Bhd., Tetuan Indi Makmur Sdn. Bhd. Dan Tetuan Lunar Hati Sdn. Bhd. Di Seksyen U10, Shah Alam Selaras Dengan Pelan Induk Seksyen U10.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. <b>Meluluskan pindaan jalan keluar masuk utama ke tapak pembangunan Tetuan Tani Kukuh Sdn.Bhd., Tetuan Indi Makmur Sdn. Bhd. dan Tetuan Lunar Hati Sdn.Bhd. di Seksyen U10, Shah Alam</b> iaitu melalui tapak perniagaan pembangunan Nusa Rhu, Seksyen U10;</p> <p>ii. <b>Meluluskan pengeluaran arahan kepada pemaju Tetuan Centralfields Sdn. Bhd. untuk meminda pelan susunatur bagi sebahagian kawasan pembangunan seluas 300.00 ekar di bahagian timur pembangunan Nusa Rhu, Seksyen U10 Shah Alam</b> yang terlibat dengan cadangan jalan keluar masuk ke</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>tapak pembangunan Tetuan Tani Kukuh Sdn.Bhd., Tetuan Indi Makmur Sdn.Bhd. dan Tetuan Lunar Hati Sdn. Bhd. di Seksyen U10, Shah Alam; dan</p> <p>iii. <b>Kos pembinaan jalan</b> bermula daripada kompleks perniagaan Tetuan Centralfields Sdn. Bhd. ke pembangunan Tetuan Tani Kukuh Sdn. Bhd. dan sebarang masalah yang timbul semasa kerja-kerja pembinaan jalan <b>hendaklah ditanggung oleh 3 pemaju berkepentingan</b> iaitu Tetuan Indi Makmur Sdn.Bhd., Lunar Hati Sdn. Bhd. dan Tani Kukuh Sdn.Bhd.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4. KERTAS JPN Sel. Bil. 4/1/2010</b></p> <p><b>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Susunatur Pembangunan Bercampur Seluas 465.22 Ekar, Di Atas PT 8(Lot 8098) &amp; PT 9 (Lot 8091), Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling, Seksyen U12, Shah Alam Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Jendela Hikmat Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>membuat pertimbangan:-</b></p> <p>i. <b>Memperakukan</b> Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Susunatur Pembangunan Bercampur Seluas 465.22 Ekar, Di Atas PT 8 (Lot 8098) &amp; PT 9 (Lot 8091), Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling, Seksyen U12, Shah Alam Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Jendela Hikmat Sdn. Bhd.;</p> <p>ii. <b>Menolak rayuan pengecualian penyediaan tapak kubur;</b></p> <p>iii. JPBD Sel. dan MBSA hendaklah membuat <b>semakan semula terhadap pelan susunatur cadangan pemajuan</b> ini dengan mengambilkira keperluan penyediaan tapak kubur dan mempertimbangkan semula syarat-syarat teknikal lain bagi membolehkan pembangunan ini berdaya maju ; dan</p> <p>iv. Memperakukan cadangan pemajuan ini untuk mendapat pandangan dan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara mengikut Subsekyen 22(2A), Akta 172.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>5. KERTAS JPN Sel. Bil. 5/1/2010</b></p> <p><b>Kertas Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Induk Di Bukit Serai, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan TPPT Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>membuat pertimbangan:-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Memperakukan</b> Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Induk Di Bukit Serai, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan TPPT Sdn. Bhd.;</li> <li>ii. <b>Pemaju perlu mematuhi komposisi perumahan iaitu 40% rumah mampu milik</b> (menggantikan keperluan RKR-20% dan RKS 20%) <b>dan 10% rumah kos sederhana;</b></li> <li>iii. <b>Pemaju hendaklah mematuhi ulasan semua Jabatan Teknikal dan mendapatkan ulasan Jabatan Mineral &amp; Geosains Negeri Selangor</b> bagi keseluruhan Pelan Induk Bukit Serai sebelum diangkat ke MPFN;</li> <li>iv. <b>Pemaju hendaklah membina jalan keluar masuk beserta persimpangan bertingkat Bukit Serai</b> seperti yang ditunjukkan dalam Pelan Induk Bukit Serai;</li> <li>v. JPBD Sel. dan MPS <b>menyemak semula</b> keperluan penyediaan rezab</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>kompleks sekolah, rezab sekolah jenis kebangsaan cina, rezab rumah ibadat dan rezab tapak kubur;</p> <p>vi. <b>Bersetuju supaya pemaju mengemukakan permohonan mengikut fasa pembangunan (5 fasa);</b></p> <p>vii. <b>Bersetuju supaya pemaju menyediakan keperluan kemudahan masyarakat</b> mengikut Manual Garis Panduan dan Piawai Perancangan Negeri Selangor; dan</p> <p>viii. <b>Memperakukan</b> cadangan pemajuan ini untuk mendapat pandangan dan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara mengikut Subsekyen 22(2A), Akta 172</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI KEPUTUSAN/ ARAHAN/ MAKLUMAN</b>	
		<p><b>6. KERTAS JPN Sel. Bil. 6/1/2010</b> <i>Central Forest Spine : Masterplan For Ecological Linkages</i></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju terhadap :-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Strategi pelaksanaan dan kajian <i>Central Forest Spine : Masterplan For Ecological Linkages</i> terutama SL3;</li> <li>ii. Garis panduan digunakan dalam perancangan melibatkan kawasan 'linkages' SL3; dan</li> <li>iii. Penyediaan Pelan Tindakan dan rundingan berterusan di kawasan SL3 bersama PTD Kuala Selangor, PTD Hulu Selangor, MDKS, MDHS dan jabatan-jabatan teknikal berkaitan.</li> </ul>
		<b>4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>	
		<p><b>4.1 Menimbang Cadangan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Cadangan Kaedah – Kaedah Caj Pemajuan ini telah dikemukakan kepada JPBD Negeri Selangor untuk diangkat ke MMKN untuk diwartakan penggunaannya bagi kawasan pentadbiran MBPJ.</li> <li>ii. Kertas MMKN untuk tujuan pewartaan telah dibentangkan dalam MMKN pada 20.01.2010.</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.2 Menimbang Cadangan Penubuhan Kumpulan Wang Perkhidmatan (ISF) Bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.</b></p>	<p>iii. Perkara ini dipohon keluar minit..</p> <p>i. Cadangan Penubuhan Kumpulan Wang Perkhidmatan (ISF) ini telah dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk diangkat ke MMKN bagi tujuan pewartaan.</p> <p>ii. Perkara berhubung '<i>Pembangunan yang dikecualikan daripada ISF</i>' telah dimasukkan di dalam kertas kerja MMKN (perenggan seperti 5.1.2, perkara (v) berikut :-</p> <p>iii. "<i>Pembangunan institusi pendidikan dan pembangunan bagi tujuan keagamaan dan kebajikan seperti yang akan diperhalusi oleh Majlis</i>".</p> <p>iv. Perkara ini dipohon keluar minit.</p>
		<p><b>4.3 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Terhadap Bantahan Dan Cadangan Yang Diterima Daripada Orang Awam Ke Atas Draf Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13, Petaling Jaya Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<p>i. Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 13 ini telah dikemukakan kepada JPBD Negeri Selangor untuk diangkat ke MMKN bagi tujuan pewartaan.</p> <p>ii. Kertas MMKN untuk tujuan pewartaan telah dibentangkan dalam MMKN pada 20.01.2010.</p>



**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			iii. Perkara ini dipohon keluar minit
		<p><b>4.4 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Terhadap Bantahan Dan Cadangan Yang Diterima Daripada Orang Awam Ke Atas Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Pelabuhan Klang Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<p>– Pihak Majlis dengan kerjasama JPBD Semenanjung Malaysia &amp; JPBD Selangor telah mengadakan perbincangan untuk memuktamadkan Laporan Akhir RKK Bandar Pelabuhan Klang pada 21.01.2010. Seterusnya Draf Akhir RKK Pelabuhan Klang akan diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri (MMKN) untuk tujuan pewartaan.</p>
		<p><b>4.5 Kajian Rancangan Kawasan Khas Tanah Rezab Melayu (TRM) Pulau Indah, Klang.</b></p>	<p>– MPK sedang menyemak semula kajian ini dan akan dibentangkan semula di Jawatankuasa Perancang Negeri pada mesyuarat JPNS akan datang.</p>
		<p><b>4.6 Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 22 (2A) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976:</b></p> <p><b>Rayuan Ke Atas Syarat-Syarat Yang Dikenakan Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21, Akta 172 Bagi Tujuan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Dibawah Seksyen 204D Di Atas Lot PT 834 Mukim Ijok Dan PT 1092 Mukim Jeram, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.</b></p>	<p>– Pemaju masih belum mengemukakan permohonan untuk pelanjutan KM memandangkan ulasan Jabatan Teknikal yang telah tamat tempoh seperti MDKS, TNB dan IWK masih belum diperolehi.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.7 Permohonan Rayuan Bagi Mendapatkan Jalan Keluar Masuk Ke Atas Tanah Hakmilik No. HS(D) 110086 PT. 1, Bandar Sunway, Daerah Petaling Untuk Tetuan Nusa Kota Sdn. Bhd.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mesyuarat J/K OSC pada 4 Sept. 2008 telah memutuskan untuk menolak permohonan membina 1 blok bangunan hotel 13 tingkat dan pemaju dikehendaki menyediakan rezab jalan 50' di sebahagian lot pemaju untuk disambungkan ke Lot PT 1 (Sykt. Nusa Kota Sdn. Bhd.). Pemaju Mentari Capital Sdn. Bhd. telah merujuk permohonan ini ke Lembaga Rayuan kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis. Pemaju telah mencadangkan 2 alternatif jalan keluar iaitu :-             <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jalan keluar masuk terus melalui LDP;</li> <li>ii. Melalui jalan 66' di skim perniagaan Dataran Mentari.</li> </ul> </li> <li>- Majlis sedang menunggu tarikh sebutan kes daripada Lembaga Rayuan.</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.8 Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21, Akta 172 Bagi Cadangan Membina Sebuah Dewan Serbaguna Tiga Tingkat Di Atas Lot 3439, Mukim Serendah Untuk Tetuan Cheng Teng Soong.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kompaun RM14,266.50 masih belum dijelaskan.</li> <li>- Satu surat telah dimaklumkan kepada Pemohon mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor bagi tindakan lanjut pemohon.</li> </ul>
		<p><b>4.9 Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Asrama (Dormitory) 3 Tingkat Dengan 2 Paras Bawah Tanah Di Atas Lot 3438, Mukim Serendah Untuk Tetuan Chen Teng Soong, Ho Yok Kui Dan Choong Kee.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Satu surat telah dimaklumkan kepada Pemohon mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor bagi tindakan lanjut pemohon.</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
<b>2/2010</b>	<b>21/04/2010</b>	<p><b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI DASAR</b></p> <p><b>1. KERTAS JPN Sel. Bil.1/2/2010</b></p> <p><b>Pemantapan Pelaksanaan Unit Pusat Setempat (OSC) Di Setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. Melantik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (PPSN) dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) di setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor ;</p> <p>ii. Semua Jabatan/Agensi diarahkan untuk mematuhi Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil.6 Tahun 2008 : Penambahbaikan Perlaksanaan Pusat Setempat (OSC) seperti di para 3.2.2;</p> <p>iii. Semua Jabatan/Agensi diarahkan untuk mengemukakan ulasan bertulis kepada Unit Pusat Setempat pada masa yang telah ditetapkan ;</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			iv. LUAS dipersetujui sebagai Ahli Jawatankuasa Unit Pusat Setempat ; dan v. Satu pekeliling YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor akan disediakan mengenai perkara i hingga iii.
		<p><b>2. KERTAS JPN Sel. Bil.2/2/2010</b></p> <p><b>Cadangan Kajian Pindaan Nisbah Plot, Kepadatan Dan Had Maksima Bilangan Tingkat Bangunan Bagi Pembangunan Di Negeri Selangor.</b></p> <p><b>Kajian Kes : Majlis Perbandaran Subang Jaya.</b></p>	– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :- i. Mengambil maklum perkara-perkara di para 2.0 dan 3.0; dan ii. Meluluskan cadangan penyediaan Kajian Pindaan Nisbah Plot, Kepadatan Dan Had Maksima Bilangan Tingkat Bangunan Bagi Pembangunan Di Negeri Selangor dalam tempoh 3 bulan kajian.
<b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI RANCANGAN PEMBANGUNAN</b>			
		<p><b>3. KERTAS JPN Sel. Bil.3/2/2010</b></p> <p><b>Menimbang Cadangan Asas Rujukan Bagi Kajian Rancangan Kawasan Khas ( RKK ) 1, 2, 3 Dan 4 Petaling Jaya.</b></p>	– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :- i. MBPJ mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Rancangan Tempatan Daerah Petaling dan Sebahagian Daerah Klang ( DRT MBSA, DRT MBPJ, DRT MPSJ ) ; ii. Menimbang dan meluluskan sempadan

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>Kawasan Rancangan Kawasan Khas 1, 2, 3 dan 4 Petaling Jaya yang akan disediakan mengikut peruntukan Seksyen 16B Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172) ;</p> <p>iii. JPBD Negeri Selangor sebagai</p>
			<p>penyelaras bagi kajian RKK ini ;</p> <p>iv. Kos kajian ini ditanggung sepenuhnya oleh MBPJ ;</p> <p>v. Mengambil maklum dan bersetuju terhadap perkara-perkara di para 3.0, 4.0, 5.0 dan 6.0 ; dan</p> <p>vi. Dijalankan selepas MBPJ mewartakan Rancangan Tempatan Daerah Petaling dan Sebahagian Daerah Klang (DRT MBSA, DRT MBPJ, DRT MPSJ).</p>
		<b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI PENGAWALAN PERANCANGAN</b>	
		<p><b>4. KERTAS JPN Sel. Bil.4/2/2010</b></p> <p><b>Cadangan Pembangunan Bercampur Perumahan, Perniagaan Dan Perindustrian Dan Di Atas Sebahagian Lot 34021, 34022, 34023 Dan 34026, Bandar Bukit Raja, Mukim Kapar Daerah Klang – Pindaan Ke Atas Pelan</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> terhadap :</p> <p>i. Menerima dan meluluskan cadangan pindaan zoning untuk menggalakkan pembangunan kawasan industri</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>Kelulusan Asal Bil. MPK/KU 1/2001C DAN MPK/KU/43/2008.</b>	<p>terancang di Daerah Klang;</p> <p>ii. Majlis Perbandaran Klang untuk membuat pengubahan Rancangan Tempatan Klang 2002 – 2015 dengan mematuhi keperluan Seksyen 16 dan seterusnya Subseksyen 12 (8) dan (9), dan Seksyen 13, 14 dan 15 hendaklah terpakai berhubung dengan pengubahan tersebut ; dan</p>
			<p>iii. <b>Bersetuju</b> untuk mengangkat cadangan pemajuan ini untuk dirujuk ke Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) bagi kategori pembangunan suatu kawasan yang lebih daripada satu ratus hektar.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>5. KERTAS JPN Sel. Bil.5/2/2010</b></p> <p><b>Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21 Akta 172 Bagi Pelan Pindaan Kepada Pelan Tatatur Yang Diluluskan Pada 28 Mac 1996 (Ruj. Pelan : (20) Dlm PTUS 3b/16/95) Bagi Tujuan Pembangunan Sebuah Resort Golf 18 Lubang Di Atas Lot 2746, 2747, 2748, 2749, 2750 Dan 2849 Untuk Tetuan PRS Homes Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> untuk :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Menangguhkan</b> cadangan pemajuan ini sehingga garis panduan mengenai pembangunan tanah tinggi di Negeri Selangor dimuktamadkan ;</li> <li>ii. JPBD Selangor, Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor akan mengkaji garis panduan tersebut ; dan</li> <li>iii. Pihak pemaju perlu mematuhi semua ulasan Jabatan Teknikal terutama Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor.</li> </ul>



**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
2/2010	21/04/2010	<p><b>6. KERTAS JPN Sel. Bil.6/2/2010</b></p> <p><b>Kertas Perakuan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Induk Di Bukit Serai, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan TPPT Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> untuk :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengambil maklum dan bersetuju secara dasar terhadap cadangan pemajuan ini dan tertakluk kepada syarat-syarat Jabatan Teknikal di para 6.0 ;</li> <li>ii. MPS selaku PBPT untuk memproses permohonan kebenaran merancang mengikut fasa ;</li> <li>iii. MPS memantau keseluruhan cadangan pemajuan ;</li> <li>iv. MPS mengambil kira cadangan pemajuan ini di dalam DRT Majlis Perbandaran Selayang ;</li> <li>v. Mengangkat cadangan pemajuan ini untuk dirujuk ke MPFN mengikut subseksyen 22(2A) Akta 172, bagi kategori pembangunan suatu perbandaran baru bagi penduduk melebihi sepuluh ribu, dan meliputi suatu kawasan yang lebih daripada 100 hektar ;</li> <li>vi. Perumahan kos rendah bersaiz 650 kaki persegi tidak dibenarkan ; dan</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>vii. Pihak pemaju diarahkan untuk mendapatkan ulasan daripada JAS, JKR, JPS, JMG, TNB dan SYABAS ;</p> <p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> untuk <b>menangguhkan</b> cadangan pemajuan ini sehingga :-</p> <p>i. Mesyuarat akan diadakan bagi membincangkan keseluruhan cadangan pemajuan.</p> <p>ii. Mesyuarat tersebut akan dipengerusikan oleh YB. Tn. Iskandar b. A. Samad, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa dan urusetia JPBD Selangor.</p>
		<p><b>7. KERTAS JPN Sel. Bil.7/2/2010</b></p> <p><b>Tanah Tasik Subang Ria Di Atas Lot 17934, SS 12, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Sime UEP Properties Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> terhadap</p> <p>i. Menerima dan mempertimbangkan <b>secara dasar</b> terhadap Permohonan Oleh Tetuan Sime Darby Properties Berhad Untuk Membangunkan Dan Menaiktaraf Tanah Tasik Subang Ria ;</p> <p>ii. Pihak pemaju diarahkan menyediakan cadangan pemajuan terperinci untuk dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa akan datang ;</p> <p>iii. Pihak Pemaju dibenarkan untuk</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>membangunkan seluas 19 ekar daripada 72.63 ekar sahaja ;</p> <p>iv. Pihak Pemaju diarahkan untuk menaiktaraf baki tanah seluas 53.63 ekar sebagai taman rekreasi awam dan diserahkan kepada MPSJ; dan</p> <p>v. Pihak Pemaju diarahkan untuk menyediakan jalan keluar masuk yang baru ke kawasan pembangunan.</p>
		<p><b>8. KERTAS JPN Sel. Bil.8/2/2010</b></p> <p><b>Konsep Pembangunan Setia City Berkonsepkan "<i>International Zone</i>" Di Bandar Setia Alam.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>menangguhkan</b> cadangan pemajuan ini dan <b>bersetuju</b> untuk :-</p> <p>i. Mengkaji semula konsep '<i>International Zone</i>' yang dicadangkan oleh pihak pemaju ;</p> <p>ii. JPBD Selangor, MBSA dan UPEN Selangor perlu mengadakan perbincangan. Hasil perbincangan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa akan datang ; dan</p> <p>iii. Pembangunan ini perlu diselaraskan dengan ICT <i>International Park</i>.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>9. KERTAS JPN Sel. Bil.9/2/2010</b></p> <p><b>Permohonan Kebenaran Merancang Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Bawah Seksyen 204d Kanun Tanah Negara Di Atas PT 11010, PT 11013, PT 11015, PT 11019, PT 11020, PT 11021, PT 11022, PT 11024, PT 11025, PT 11031, PT 11032 Dan Sebahagian Tanah Kerajaan Yang Seluas 448.803 Ekar Di Mukim Serendah Untuk Tetuan Permodalan YBK Sdn. Bhd.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jawatankuasa <b>tidak</b> membincangkan kertas Bil. 9/2/2010 ini ; dan</li> <li>- Jabatan-jabatan Teknikal yang tidak menyokong adalah seperti berikut :-               <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pejabat Tanah/Daerah Hulu Selangor ;</li> <li>b. Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor ;</li> <li>c. Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor ;</li> <li>d. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor ; dan</li> <li>e. Indah Water Konsortium (IWK).</li> </ul> </li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>	
		<b>4.1 Rancangan Kawasan Khas Kampung Jawa, Daerah Klang.</b>	– Pihak Majlis sedang dalam proses menyediakan kertas ringkasan RKK Kg. Jawa untuk mendapat kelulusan MMKN.
		<b>4.2 Cadangan Pelan Induk Strategik Bandar Wawasan Selangor (Selangor Vision City - SVC), Mukim Sungai Buloh, Mukim Damansara Dan Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling Dan Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Oleh Tetuan Sime Darby Property Berhad.</b>	– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :- i. Jawatankuasa Teknikal SVC yang dipengerusikan oleh Pengarah JPBD Selangor akan mengadakan mesyuarat ; ii. Pihak pemaju boleh menjemput pakar luar untuk mendapat pandangan dari perspektif makro ; iii. SVC perlu menasarkankan 50:50 'modal split' pengangkutan awam ; iv. SVC memerlukan perancangan sistem saliran air yang menyeluruh ; dan v. SVC menyediakan kemudahan jaringan 'fiber optic' dan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi bersepadu untuk keseluruhan kawasan pembangunan.

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.3 Cadangan Pindaan Zoning Gunatanah Dalam Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor (No. Warta 1676) : Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Pembangunan Perindustrian Dan Perniagaan Di Atas Lot 6229 Dan 6230, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. MDKS dan PTD Kuala Selangor mengkaji semula cadangan pemajuan ini dengan mengambilkira faedah pembangunan ini kepada Kerajaan Negeri, MDKS, PTD Kuala Selangor dan peneroka;</li> <li>ii. PTD Kuala Selangor perlu memperincikan jumlah peneroka yang terlibat ; dan</li> <li>iii. MDKS dan PTD Kuala Selangor perlu mengemukakan semula hasil kajian ke Mesyuarat Jawatankuasa akan datang.</li> </ul>
		<p><b>4.4 Cadangan Pembangunan (<i>Non-Aeronautical</i>) Kawasan Lapang Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Mukim Labu, Daerah Sepang Untuk Tetuan Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB).</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembangunan KLIA perlu diselaras dengan RTD Sepang ;</li> <li>ii. Cadangan pemajuan ini akan dirujuk ke MPFN ; dan</li> <li>iii. Pemaju perlu menyediakan Rancangan Kawasan Khas bagi pembangunan menyeluruh dan jangka panjang bagi kawasan KLIA.</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.5 Cadangan Pembangunan Pusat Pelancongan Dengan Kemudahan Di Atas Lot PT 9113, PT 9114, PT 9115, PT 99116, PT 9917 Dan PT 9118 Tanah Kerajaan (Simpanan Jalan Dan Utiliti) Dan Lot 5722, Mukim Sepang, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Sepang Goldcoast Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menerima ulasan dari LUAS dan PTG ;</li> <li>ii. PTD Sepang mendapatkan pengalaman-pengalaman di Malaysia mengenai pemberian hak milik tanah di atas air dan pengiraan premium ; dan</li> <li>iii. Pemaju perlu mendapat kebenaran bertulis dari LUAS sebelum sesuatu perubahan sumber dijalankan.</li> </ul>
		<p><b>4.6 Cadangan Pembangunan Bercampur Di Pekan Pasir Penambang Melalui Menyerah Balik Dan Memberi Milik Semula Tanah Lot 14, 15, 27, 32, 469, 474, 617, 618, 619, 620 Dan 655 Mukim Kuala Selangor Dan Kampung Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan Mengikut Seksyen 204D Kanun Tanah Negara.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. MDKS boleh menimbang permohonan kebenaran merancang dan jika terdapat apa-apa nasihat dan arahan tambahan syarat perlulah diambilkira selepas mendapat nasihat dan pandangan MPFN.</li> </ul>
		<p><b>4.7 Cadangan Projek Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) Seksyen Timur Secara Penswastaaan.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. UPEN akan memanggil mesyuarat pada 28hb April 2010 dan menjemput MIER untuk mengkaji dan mendapatkan pandangan ekonomi makro ; dan</li> <li>ii. UPEN perlu mendapatkan maklumat mengenai sumber peruntukan cadangan KLORR ini</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>4.8 Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian Oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.</b>	– Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa semua PBPT telah melaksanakan arahan-arahan jawatankuasa ini. Perkara ini dipohon dikeluarkan dari minit.
		<b>4.9 Cadangan Pemajuan Di Bawah Seksyen 20A Dan Perenggan 22(2A)(b), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Penyaluran Air Mentah Dari Pahang Ke Selangor Untuk Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Dari Pahang Ke Selangor Oleh Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi Di Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.</b>	– Jabatan sedang menyediakan Kertas Ringkasan untuk mendapatkan pandangan MPFN selaras dengan perenggan 22(2A)(b).
		<b>4.10 Cadangan Pembangunan Perindustrian Dan Perniagaan Di Atas Lot PT 60773, PT 60775 Hingga PT 61999, PT 62016 Hingga PT 62923 Dan PT 43139 Hingga PT 45792 Mukim Kapar Daerah Klang.</b>	– Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa MPK telah menyediakan perbincangan cadangan pemajuan ini. MPK diarahkan untuk menyediakan kertas ringkasan JPNS untuk dibentang ke Mesyuarat akan datang.
		<b>4.11 Status Pewartaan Tanah Lapang Negeri Selangor.</b>	– Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa status pewartaan tanah lapang Negeri Selangor secara terperinci akan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2010.



**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.12 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran Awam Terhadap Bantahan Dan Cadangan Yang Diterima Daripada Orang Awam Ke Atas Draf Rancangan Tempatan Daerah Sepang (DRT) Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<p>– Jawatankuasa telah dimaklumkan Majlis Perbandaran Sepang akan menyediakan kertas pewartaan untuk diangkat ke MMKN.</p>
		<p><b>4.13 Kajian Rancangan Kawasan Khas Tanah Rezab Melayu (TRM) Pulau Indah, Klang.</b></p>	<p>– Kajian RKK Tanah Rezab Melayu (TRM) Pulau Indah, Klang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor yang akan datang.</p>
		<p><b>4.14 Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 22 (2A) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976:</b></p> <p><b>Rayuan Ke Atas Syarat-Syarat Yang Dikenakan Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21, Akta 172 Bagi Tujuan Penyerahan Balik Dan Pembermilikan Semula Dibawah Seksyen 204D Di Atas Lot PT 834 Mukim Ijok Dan PT 1092 Mukim Jeram, Bandar Puncak Alam, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.</b></p>	<p>– Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa Pemaju masih belum mengemukakan permohonan untuk pelanjutan KM memandangkan ulasan Jabatan Teknikal yang telah tamat tempoh seperti MDKS, TNB dan IWK masih belum diperolehi. Perkara ini dipohon dikeluarkan dari minit.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.15 Permohonan Rayuan Bagi Mendapatkan Jalan Keluar Masuk Ke Atas Tanah Hakmilik No. HS(D) 110086 PT. 1, Bandar Sunway, Daerah Petaling Untuk Tetuan Nusa Kota Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Perkara ini telah selesai dan dipohon untuk dikeluarkan dari minit.</p>
		<p><b>4.16 Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21, Akta 172 Bagi Cadangan Membina Sebuah Dewan Serbaguna Tiga Tingkat Di Atas Lot 3439, Mukim Serendah Untuk Tetuan Cheng Teng Soong.</b></p>	<p>– Perkara ini telah selesai dan dipohon untuk dikeluarkan dari minit.</p>
		<p><b>4.17 Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Asrama (Dormitory) 3 Tingkat Dengan 2 Paras Bawah Tanah Di Atas Lot 3438, Mukim Serendah Untuk Tetuan Chen Teng Soong, Ho Yok Kui Dan Choong Kee.</b></p>	<p>– Perkara ini telah selesai dan dipohon untuk dikeluarkan dari minit.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
<b>3/2010</b>	<b>16/06/2010</b>	<b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI DASAR</b>	
		<p><b>1. KERTAS JPN Sel. Bil.1/3/2010</b></p> <p><b>Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Mengenai Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadap Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Program Publisiti dan Penyertaan Awam terhadap Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 dijalankan mengikut peruntukan Seksyen 13, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) ;</p> <p>ii. Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 boleh dimuat turun melalui halaman web JPBD Selangor, MDKL dan Portal Kerajaan Negeri Selangor ; dan</p> <p>iii. Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini dijangka akan dijalankan pada bulan Oktober 2010.</p>
		<p><b>2. KERTAS JPN Sel. Bil.2/3/2010</b></p> <p><b>Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Mengenai Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadap Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Program Publisiti dan Penyertaan Awam terhadap Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang 2020 dijalankan mengikut peruntukan Seksyen 13, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 ( Akta 172 ) ;</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang 2020 boleh dimuat turun melalui halaman web JPBD Selangor, MPKj dan Portal Kerajaan Negeri Selangor; dan</li> <li>iii. Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini dijangka akan dijalankan pada bulan Oktober 2010.</li> </ul>
		<p><b>3. KERTAS JPN Sel. Bil.3/3/2010</b></p> <p><b>Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Mengenai Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadap Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Program Publisiti dan Penyertaan Awam terhadap Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020 dijalankan mengikut peruntukan Seksyen 13, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 ( Akta 172 );</li> <li>ii. Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2020 boleh dimuat turun melalui halaman web JPBD Selangor, MDHS dan Portal Kerajaan Negeri Selangor; dan</li> <li>iii. Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini dijangka akan dijalankan pada bulan Oktober 2010</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4. KERTAS JPN Sel. Bil.4/3/2010</b></p> <p><b>Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Mengenai Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadap Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. Program Publisiti dan Penyertaan Awam terhadap Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020 dijalankan mengikut peruntukan Seksyen 13, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 ( Akta 172 );</p> <p>ii. Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020 boleh dimuat turun melalui halaman web JPBD Selangor, MDHS dan Portal Kerajaan Negeri Selangor; dan</p> <p>iii. Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini dijangka akan dijalankan pada bulan Oktober 2010.</p>
		<p><b>5. KERTAS JPN Sel. Bil.5/3/2010</b></p> <p><b>Permohonan Persetujuan Jawatankuasa Mengenai Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Terhadap Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2020.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. Program Publisiti dan Penyertaan Awam terhadap Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2020 dijalankan mengikut peruntukan Seksyen 13, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 ( Akta 172 );</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>ii. Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2020 boleh dimuat turun melalui halaman web JPBD Selangor, MDHS dan Portal Kerajaan Negeri Selangor; dan</p> <p>iii. Program Publisiti dan Penyertaan Awam ini dijangka akan dijalankan pada bulan Oktober 2010.</p>
		<p><b>6. KERTAS JPN Sel. Bil.6/3/2010</b></p> <p><b>Asas Rujukan Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Daerah Sepang.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. Cadangan Asas Rujukan Kajian Rancangan Kawasan Khas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Daerah Sepang akan dibiayai oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), manakala Majlis Perbandaran Sepang akan bertindak sebagai Pengurus Projek ;</p> <p>ii. Terhadap sempadan kawasan kajian Rancangan Kawasan Khas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ;</p> <p>iii. Program Publisiti Awal dan Penyertaan Awam akan diadakan bagi mendapatkan maklumbalas awal daripada pelbagai pihak pada satu</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>tarikh yang akan ditentukan bersama oleh Malaysia Airports Holdings Berhad dan Majlis Perbandaran Sepang ; dan</p> <p>iv. Menetapkan radius 40km dari sempadan kawasan KLIA tidak dibenarkan sebarang kelulusan premis penternakan burung walit dan burung layang-layang.</p>
		<p><b>7. KERTAS JPN Sel. Bil.7/3/2010</b></p> <p><b>Cadangan Pembangunan Perindustrian Dan Perniagaan Di Atas Lot PT 60773, PT 60775 Hingga PT 61999, PT 62016 Hingga PT 62923 Dan PT 43139 Hingga PT 45792 Mukim Kapar Daerah Klang–Pelan Kelulusan Asal Bil. MPK/KU 75b/2002 Dan MPK/KU 83/2007.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Meluluskan keseluruhan kawasan untuk pembangunan kawasan industri terancang. Ini bagi menggalakkan pembangunan industri di dalam kawasan MPK;</p> <p>ii. Pemaju-Pemaju yang terlibat perlu menyediakan peruntukan caruman infrastruktur bagi menaiktaraf jalan di keseluruhan kawasan cadangan;</p> <p>iii. Cadangan Pemajuan disyaratkan untuk menyediakan zon penampakan selebar 500m dari kawasan perumahan;</p> <p>iv. Pemaju-Pemaju perlu mendapatkan kelulusan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan kelulusan Kebenaran Merancang daripada MPK;</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>v. MPK boleh menimbang permohonan kebenaran merancang dan jika terdapat apa-apa nasihat dan arahan tambahan syarat perlulah diambilkira selepas mendapat nasihat dan pandangan MPFN.</p> <p>vi. MPK melaksanakan pengubahan Rancangan Tempatan Klang (2002–2015) dengan mematuhi keperluan Seksyen 16 dan seterusnya Subseksyen 12 (8) dan (9), dan Seksyen 13, 14 dan 15 hendaklah terpakai berhubung dengan pengubahan tersebut; dan</p> <p>vii. Merujuk cadangan pemajuan ini untuk mendapat pandangan dan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara mengikut Subseksyen 22(2A), Akta 172 bagi kategori pembangunan suatu perbandaran baru dan meliputi kawasan yang lebih daripada 100 hektar.</p>



**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>8. KERTAS JPN Sel. Bil.8/3/2010</b></p> <p><b>Cadangan Menaiktaraf Surau Al-Islamiah, Taman Nirwana Fasa II, Mukim Ampang, Selangor Darul Ehsan Kepada Status Masjid Dan Tapak Tambahan Seluas 1.66 Ekar Milik Kerajaan Negeri Selangor Sebagai Sebahagian Tapak Pembangunan Masjid.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b>:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jawatankuasa Surau Al Islamiah perlu mengemukakan permohonan kebenaran Merancang kepada MPAJ.</li> <li>ii. MPAJ perlu memohon untuk mewartakan tapak tambahan surau seluas 1.66 ekar dan diserahkan kepada JAIS.</li> <li>iii. Mengambil maklum tapak kawasan lapang yang dijadikan sebagai tapak tambahan surau Taman Nirwana Fasa II di Taman Putra Sulaiman telah digantikan dengan bekas tapak JPS di taman Nirwana Fasa II seluas 2.53 ekar dan dalam proses pewartaan kawasan lapang oleh MPAJ.</li> <li>iv. JPBD Selangor akan menyelaras permohonan ini.</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>2. KERTAS JPN Sel. Bil.2/5/2010</b></p> <p><b>Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan (DRT) Majlis Bandaraya Shah Alam 2020 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Memperaku dan menerima keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2020;</p> <p>ii. Bersetuju terhadap perkara-perkara yang dimaklumkan di para 5.0 seperti berikut :</p> <p>a. Lot 3612, 3613 dan 3614, Seksyen U17 Shah Alam (berhampiran Kampung Merbau Indah) <b>dikekalkan sebagai zon perumahan.</b> Pembangunan industri sediaada di lot-lot tersebut perlu berpindah dalam jangkamasa 5 tahun;</p> <p>b. Lot-lot kecil di Kampung Cherakah Seksyen U15, Shah Alam <b>dikekalkan sebagai zon pertanian;</b></p> <p>c. Lot 3868, 3869, 3870, 3871 dan 3872, Seksyen U14, Shah Alam <b>dikekalkan sebagai zon perumahan;</b></p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>iii. Bersetuju meluluskan Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2020; dan</p> <p>iv. Bersetuju diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri untuk pewartaan Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2020.</p>
		<p><b>3. KERTAS JPN Sel. Bil.3/5/2010</b></p> <p><b>Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan (DRT) Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. Memperaku dan menerima keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020;</p> <p>ii. Bersetuju terhadap perkara-perkara yang dimaklumkan di para 5.0 seperti berikut :</p> <p>a. <b>Tapak perkuburan yang telah diwartakan seluas 38.61 hektar dan cadangan tapak perkuburan di sebahagian Hutan Simpan Ayer Hitam di antara Taman Saujana Puchong dan Taman Lestari Putra dibatalkan.</b></p>



**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>Tapak ini <b>dizonkan sebagai Rezab Kawasan Hutan Simpan / Hutan Rekreasi;</b></p> <p>b. <b>Cadangan penyambungan jalan</b> di antara Taman Lestari Putra ke Taman Saujana Puchong dipersetujui dan <i>'alignment'</i> <b>dikekalkan;</b></p> <p>c. <b>Mengekalkan Taman Subang Ria sebagai zon kawasan lapang / rekreasi.</b> Tanah ini hendaklah digunakan semata-mata untuk taman rekreasi dan bangunan yang berkaitan dengannya. MPSJ dan tuan tanah/pemaju perlu mengadakan majlis dialog dengan penduduk berhubung perkara ini;</p> <p>d. Penyediaan tokong Vihara Buddha perlu mematuhi keperluan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor;</p> <p>e. Mengambil maklum mengenai cadangan pembinaan Jalan Subang-Kajang yang telah dibatalkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia;</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>f. <b>Permohonan pindaan zoning</b> oleh Syarikat Mines Golf Resort Berhad dan Syarikat Profound Concept Sdn. Bhd <b>diluluskan sebagai zoning perumahan densiti rendah;</b></p> <p>iii. Bersetuju meluluskan Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020; dan</p> <p>iv. Bersetuju diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri untuk pewartaan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020.</p>
		<p><b>4. KERTAS JPN Sel. Bil.4/5/2010</b></p> <p><b>Cadangan Asas Rujukan Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan, Mukim Petaling, Daerah Petaling.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Bersetuju terhadap cadangan Asas Rujukan Rancangan Kawasan Khas Taman Bukit Serdang yang akan dibiayai oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor; dan</p> <p>ii. Bersetuju supaya Program Publisiti Awal dan Penyertaan Awam diadakan bagi mendapatkan maklumbalas awal daripada pelbagai pihak..</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI KEPUTUSAN / ARAHAN / MAKLUMAN</b>	
		<p><b>5. KERTAS JPN Sel. Bil.5/5/2010</b></p> <p><b>Rayuan Permohonan Pemberimilikan Tanah Oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) Untuk Tanah Perkuburan Di Atas Lot 1147, Mukim Hulu Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>menangguhkan permohonan ini</b> sehingga perkara-perkara berikut dipenuhi :-</p> <p>i. MPKj perlu mengemukakan kepada Jawatankuasa <b>latar belakang pemilikan syarikat Pribena Construction Sdn. Bhd.;</b></p> <p>ii. MPKj perlu mendapatkan <b>maklumat terperinci cadangan pembangunan perkuburan bersepadu</b> oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk dimaklumkan kepada Jawatankuasa;</p> <p>iii. MPKj perlu memastikan <b>cadangan pembinaan jalan keluar/ masuk khusus</b> selebar 132 kaki dari lot 1147 ke Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK Highway) <b>diselesaikan terlebih dahulu</b> sebelum menimbangkan permohonan ini; dan</p> <p>iv. LPHS perlu <b>mengkaji impak pembangunan</b> kubur bersepadu kepada pembangunan perumahan di sekitar kawasan cadangan.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>6. KERTAS JPN Sel. Bil.6/5/2010</b></p> <p><b>Permohonan Pemberilikan Tanah Bagi Tujuan Pembangunan Di Atas Air Dan Dasar Laut : Pengalaman Di Negeri Perak Darul Riduan Dan Negeri Kedah Darul Aman.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengambil maklum proses kerja, kaedah dan dasar Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan Negeri Kedah Darul Aman di dalam mempertimbangkan permohonan pemberilikan tanah bagi tujuan pembangunan di atas air dan dasar laut;</li> <li>ii. PTG Negeri Selangor menyediakan proses kerja, kaedah dan dasar kerajaan Negeri Selangor bagi permohonan pemberilikan tanah bagi tujuan pembangunan di atas air dan dasar laut serta dikemukakan di dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor untuk kelulusan; dan</li> <li>iii. PTG Negeri Selangor mengkaji pengalaman-pengalaman dari luar negara sebagai rujukan tambahan semasa proses penyediaan dasar tersebut.</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>7. KERTAS JPN Sel. Bil.7/5/2010</b></p> <p><b>Status Kemajuan Pewartaan Yang Dilaksanakan Di Bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Mengambil maklum mengenai status pewartaan yang dilaksanakan di bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), 1999 sehingga Julai 2010.</p>
		<p><b>8. KERTAS JPN Sel. Bil.8/5/2010</b></p> <p><b>Laporan Kemajuan Pelaksanaan Petunjuk Bandar Mampan (MURNInet) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Mengambil maklum mengenai kemajuan pelaksanaan Petunjuk Bandar Mampan (MURNInet) bagi seluruh PBT di Negeri Selangor pada tahun 2008 dan pelaksanaan MURNInet pada tahun 2010;</p> <p>ii. Bagi tahun 2010, MBSA bersama tujuh (7) PBT bertaraf Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran turut terlibat di dalam pelaksanaan MURNInet peringkat JPBD SM (menggunapakai 38 indikator); dan</p> <p>iii. Jabatan-jabatan teknikal yang terlibat di dalam pelaksanaan MURNInet Selangor mengambil maklum dan memberi kerjasama di dalam membekalkan maklumat di peringkat pengumpulan</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			data MURNIinet Selangor.
		<p><b>9. KERTAS JPN Sel. Bil.9/5/2010</b></p> <p><b>Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program Bandar Selamat Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Mengambil maklum mengenai kemajuan pelaksanaan Program Bandar Selamat dan pencapaiannya oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor; dan</p> <p>ii. Semua Pejabat Tanah / Daerah di Negeri Selangor perlu memastikan Langkah 11 Program Bandar Selamat dilaksanakan ke atas tanah-tanah kerajaan iaitu “Mencuci / mengemas kawasan-kawasan semak dan terlindung”.</p>
		<p><b>10. KERTAS JPN Sel. Bil.10/5/2010</b></p> <p><b>Penambahbaikan Urusan Rundingan Bagi Projek-Projek Jabatan Kerja Raya.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Bersetuju supaya satu Jawatankuasa Teknikal JPN ditubuhkan bagi tujuan penambahbaikan urusan rundingan bagi projek-projek JKR di bawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172);</p> <p>ii. Bersetuju dengan cadangan ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal JPN; dan</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			iii. Pengarah JPBD Negeri Selangor dan Pengarah UPEN adalah Pengerusi Bersama Jawatankuasa Teknikal Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.
		<p><b>4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b></p> <p><b>4.1 Cadangan Untuk Membatalkan Pengenaan Bayaran Caruman Infrastruktur Sosial Bagi Pembangunan Melebihi 1 Hingga Kurang 5 Ekar Dalam Negeri Selangor.</b></p>	<p>– JPBD Selangor dengan kerjasama pihak PTGS dan PBT akan menyelaras contoh pelaksanaan pembangunan kawasan lapang bagi lot-lot bersaiz 5 ekar dan ke bawah berdasarkan keperluan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor. Contoh pelaksanaan ini akan dikemukakan kepada Jawatankuasa di dalam mesyuarat akan datang untuk pertimbangan sebelum membuat keputusan.</p>
		<p><b>4.2 Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan Loji Pembersihan Langat 2 Dan Pengagihan Air Di Selangor Darul Ehsan / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Loji Pembersihan Air Langat 2, Kolam Imbangan Hulu Langat, Kolam Air Sungai Besi, Outlet Portal Dan Tapak Pelupusan Enapan) Di Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Oleh Tetuan Pengurusan Aset Air Berhad.</b></p>	<p>– Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya dan mengutamakan kepentingan Kerajaan Negeri sebelum Projek Penyaluran Air Mentah Dari Negeri Pahang Ke Negeri Selangor diteruskan.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>4.3 Status Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor Sehingga Mei 2010.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Status Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor telah dilaporkan di MPFN ke-10 Bil. 1/2010 pada 23.07.2010.</li> <li>- Dari tempoh Jun 2008 hingga Mei 2010, pihak UPEN telah melaporkan kemajuan Pewartaan Tanah Lapang di mana pertambahan sebanyak 675.5 ekar (19.9%) dan jumlah 4,074 ekar tanah lapang telah diwartakan.</li> <li>- Status terkini pewartaan tanah lapang awam Negeri Selangor akan dilaporkan dalam Mesyuarat JPNS Bil. 6/2010.</li> </ul>
		<b>4.4 Cadangan Projek Sambungan LRT Laluan Ampang (AMG) Oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana).</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan Projek Sambungan LRT Laluan Ampang telah diluluskan dalam MMKN ke 23/2010 yang bersidang pada 22.07.2010.</li> <li>- Di bawah Akta Keretapi 1991, Jabatan Keretapi Malaysia sedang mengadakan pameran awam selama 3 bulan mulai 15.09.2010 hingga 15.12.2010 di Negeri Selangor. Tiga tapak pameran awam telah diadakan iaitu :- <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lobi Utama MBSA;</li> <li>• Pejabat Kejuruteraan MBPJ; dan</li> <li>• Lobi Utama MPSJ.</li> </ul> </li> </ul>



**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.5 Cadangan Projek Sambungan LRT Laluan Kelana Jaya Oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana).</b></p>	<p>– Cadangan Projek Sambungan LRT Laluan Ampang telah diluluskan dalam MMKN ke 23/2010 yang bersidang pada 22.07.2010.</p> <p>– Di bawah Akta Keretapi 1991, Jabatan Keretapi Malaysia sedang mengadakan pameran awam selama 3 bulan mulai 15.09.2010 hingga 15.12.2010 di Negeri Selangor. Tiga tapak pameran awam telah diadakan iaitu :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lobi Utama MBSA;</li> <li>• Pejabat Kejuruteraan MBPJ; dan</li> <li>• Lobi Utama MPSJ</li> </ul>
		<p><b>4.6 Kertas Perakuan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Induk Di Bukit Serai, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan TPPT Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Cadangan pemajuan ini akan dikemukakan semula kepada Jawatankuasa untuk mendapat pandangan dan nasihat sebelum diangkat ke MPFN mengikut Subseksyen 22(2A), Akta 172 bagi kategori pembangunan suatu perbandaran baru dan meliputi kawasan yang lebih daripada 100 hektar.</p>
		<p><b>4.7 Cadangan Pembangunan Pusat Pelancongan Dengan Kemudahan Di Atas Lot PT 9113, PT 9114, PT 9115, PT 99116, PT 9917 Dan PT 9118 Tanah Kerajaan (Simpanan Jalan Dan Utiliti) Dan Lot 5722, Mukim Sepang, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Sepang</b></p>	<p>– Lawatan ke Lumut, Perak telah diadakan pada 02.07.2010 oleh PTGS dan PTD Sepang. Maklum balas berkaitan lawatan dan laporan telah dikemukakan kepada Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor pada 29.07.2010.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>Goldcoast Sdn. Bhd.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Lawatan ke Langkawi, Kedah telah diadakan pada 25 hingga 27.07.2010. Maklum balas berkaitan lawatan dan laporan telah dikemukakan kepada Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor pada 29.07.2010.</li> <li>- Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</li> </ul>
		<b>4.8 Cadangan Projek Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) Seksyen Timur Secara Penswastaaan.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mesyuarat Khas KLORR akan diadakan setelah pihak LLM mengemukakan Jajaran Alternatif KLORR kepada JPBD Selangor.</li> <li>- Kertas MTES sedang disediakan untuk dibentangkan ke Mesyuarat MTES pada bulan November 2010.</li> </ul>
<b>6/2010</b>	<b>16/12/2010</b>	<b>PEMBENTANG KERTAS MENGENAI DASAR</b>	
		<p><b>1. KERTAS JPN Sel. Bil.1/6/2010</b></p> <p><b>Ucapan Perasmian Dan Ucaptama Bertajuk 'Setting The Local Context- Urban Regeneration In Selangor' Oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, Menteri Besar Negeri Selangor International Conference Urban Regeneration – Towards Selangor's Sustainable Future.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengambil maklum penerbitan <b>Buletin Rancang (Edisi Khas) Bil. 1/2010;</b></li> <li>ii. Bersetuju dengan Ucapan Perasmian dan Ucaptama yang bertajuk '<i>Setting The Local Context – Urban Regeneration in Selangor</i>' oleh Y.A.B Tan Sri Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Ucapan Dasar; dan</li> </ul> </li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>iii. Semua Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, Agensi / Jabatan-jabatan Teknikal, Badan-badan Berkanun dan pihak-pihak yang berkepentingan menjadikan Ucapan Perasmian dan Ucapnama tersebut sebagai <b>rujukan dan asas dalam merencana agenda Pembangunan Semula Bandar (Urban Regeneration / Renewal / Redevelopment).</b></p>
		<p><b>2. KERTAS JPN Sel. Bil.2/6/2010</b></p> <p><b>Menimbang Cadangan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 ( Akta 172 ) Bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Cadangan Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) untuk digunapakai bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya;</p> <p>ii. Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan ini dimuktamadkan dan diwartakan sebelum bayaran Caj Pemajuan boleh dilaksanakan; dan</p> <p>iii. MBPJ menubuhkan tabung amanah khas untuk tujuan ini.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>3. KERTAS JPN Sel. Bil.3/6/2010</b></p> <p><b>Menimbang Cadangan Penubuhan Kumpulan Wang Perkhidmatan (ISF) Bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Cadangan Penubuhan Kumpulan Wang Perkhidmatan (ISF) ini digunapakai bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.</p> <p>ii. <b>Pembangunan yang dikecualikan daripada ISF</b> perlu diperhalusi dan dikaji semula terutama untuk semua pembangunan institusi pendidikan dan pembangunan bagi tujuan keagamaan dan kebajikan.</p>
		<p><b>4. KERTAS JPN Sel. Bil.4/6/2010</b></p> <p><b>Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Terhadap Bantahan Dan Cadangan Yang Diterima Daripada Orang Awam Ke Atas Draf Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13, Petaling Jaya Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju :-</b></p> <p>i. Memperaku dan menerima keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam terhadap Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 13, Petaling Jaya;</p> <p>ii. Majlis Bandaraya Petaling Jaya meminda Draf Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13 selaras dengan keputusan bantahan dan cadangan yang diterima; dan</p> <p>iii. Draf Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13, Petaling Jaya diangkat ke Pihak</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			Berkuasa Negeri untuk tujuan pewartaan.
		<p><b>5. KERTAS JPN Sel. Bil.5/6/2010</b></p> <p><b>Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Terhadap Bantahan Dan Cadangan Yang Diterima Daripada Orang Awam Ke Atas Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Pelabuhan Klang Dan Pewartaan Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. Memperaku dan menerima keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Pelabuhan Klang;</p> <p>ii. Majlis Perbandaran Klang meminda Draf Rancangan Kawasan Khas tersebut selaras dengan keputusan bantahan dan cadangan yang telah diterima;</p> <p>iii. Majlis Perbandaran Klang mengadakan kajian terperinci terhadap nilai tanah di kawasan Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Pelabuhan Klang; dan</p> <p>iv. Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Pelabuhan Klang diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri untuk tujuan pewartaan.</p>
		<p><b>6. KERTAS JPN Sel. Bil.6/6/2010</b></p> <p><b>Status Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor Sehingga November 2010.</b></p>	<p>– Jawatankuasa <b>bersetuju</b> :-</p> <p>i. Mengambil maklum mengenai status pewartaan tanah lapang awam Negeri Selangor sehingga November 2010;</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>ii. Agensi-agensi berkaitan yang terlibat dalam proses pewartaan tanah lapang awam perlu mengambil langkah-langkah bagi mempercepatkan proses pewartaan dengan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Memohon kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor (JUPEM) untuk menyediakan pelan warta ;</li> <li>b. Memohon kerjasama Pentadbir Tanah Daerah menyemak serta menyediakan draf warta bagi tujuan pewartaan untuk dikemukakan ke Pejabat Tanah Dan Galian Selangor ;</li> <li>c. Memohon kerjasama Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor bagi membuat semakan draf pewartaan yang disediakan oleh Pejabat Tanah Dan Daerah;</li> </ul> <p>iii. Semua PBT hendaklah mengemukakan semua maklumat tanah lapang awam bagi tujuan pewartaan kepada UPEN dengan kadar segera. Pelaporan mengenai status pewartaan tanah lapang ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>Negeri Bil. 3/2010; dan</p> <p>iv. Segala maklumat status pewartaan tanah lapang awam Negeri Selangor dari Januari - November 2010 hendaklah dikemukakan ke MPFN untuk tujuan pemantauan.</p>
		<p><b>4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b></p> <p><b>4.1 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Terhadap Bantahan Dan Cadangan Yang Diterima Daripada Orang Awam Ke Atas Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Kuala Kubu Bharu 2015 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p> <p><b>4.2 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2020 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<p>i. MDHS bersama Pejabat Projek Zon Tengah JPBD SM dan JPBD Selangor sedang membuat pindaan Laporan Akhir Draf RKK selaras dengan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 5/2010 sebelum diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri untuk pewartaan yang dijangka pada bulan Februari 2010.</p> <p>ii. Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</p> <p>i. JPBD Selangor dengan kerjasama Pejabat Projek Zon Tengah JPBD SM dan MBSA sedang membuat pindaan Laporan Akhir Draf RT MBSA 2020 selaras dengan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 5/2010 sebelum diangkat ke PBN untuk pewartaan yang dijangka pada bulan Februari 2010.</p> <p>ii. Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<p><b>4.3 Permohonan Kelulusan Dan Perakuan Jawatankuasa Terhadap Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2020 Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.</b></p>	<p>i. JPBD Selangor dengan kerjasama Pejabat Projek Zon Tengah JPBD SM dan MBSA sedang membuat pindaan Laporan Akhir Draf RT MBSA 2020 selaras dengan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 5/2010 sebelum diangkat ke PBN untuk pewartaan yang dijangka pada bulan Februari 2010.</p> <p>ii. Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</p>
		<p><b>4.4 Cadangan Asas Rujukan Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan, Mukim Petaling, Daerah Petaling.</b></p>	<p>i. JPBD Selangor telah menghadiri sesi temuduga pemilihan perunding oleh MPSJ pada 06.11.2010. Pihak MPSJ sedang dalam peringkat perlantikan perunding. Program Publisiti Awal (FGD) akan diadakan setelah perlantikan perunding dijalankan.</p> <p>ii. Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</p>
		<p><b>4.5 Rayuan Permohonan Pemberimilikan Tanah Oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) Untuk Tanah Perkuburan Di Atas Lot 1147, Mukim Hulu Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.</b></p>	<p>4.5.1 MPKj memaklumkan kepada ahli mesyuarat maklum balas oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar melalui surat bil. KWP(S):24/866/2 Jld.3 (17) bertarikh 15hb. Disember 2010 berkenaan cadangan pembangunan terperinci di atas lot 1147.</p> <p>4.5.2 Berdasarkan lawatan tapak yang telah dibuat oleh pihak LPHS mendapati</p>



**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>bahawa :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Secara keseluruhan kawasan sekitar adalah terdiri daripada perkampungan, kawasan perkuburan dan kawasan pertanian.</li> <li>ii. Cadangan tapak perkuburan terletak di tengah-tengah di antara kampung Sungai Pening (sebelah Selatan tapak) dan Semenyih Memorial Park (sebelah Utara tapak).</li> <li>iii. Terdapat juga projek perumahan tetapi telah terbengkalai (Pemaju Duta Nilai Development Sdn. Bhd.) di bahagian Timur tapak cadangan yang mana berkeluasan 501.50 ekar. Projek tersebut mengandungi 2,658 unit dengan nilai projek keseluruhan berjumlah RM141.2 juta yang terdiri daripada:- <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1,000 unit Rumah Pangsa Kos Rendah;</li> <li>• 1,000 unit Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah;</li> <li>• 600 unit Rumah Pangsa Kos Sederhana;</li> </ul> </li> </ol>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• 40 unit Rumah Kedai 1 ½ Tingkat;</li> <li>• 18 unit Kedai Pejabat 2 Tingkat.</li> </ul> <p>iv. Status projek di tapak adalah hanya 10% siap yang mana ia telah bermula pada tahun 1999 dan sepatutnya siap pada Januari 2002. Projek terbengkalai ini berlaku disebabkan oleh masalah kewangan yang dialami oleh pemaju. Pada 17.01.2005 Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak telah membuat keputusan untuk menggulung syarikat berdasarkan permohonan Kumpulan Liziz Sdn. Bhd. dan Jabatan Insolvensi dilantik sebagai 'Official Receiver' (OR).</p> <p>v. LPHS berpandangan dengan pembangunan kubur bersepadu ini tidak akan memberi impak tambahan selain impak sedia ada terhadap kawasan sekitar memandangkan kawasan tersebut telah terdapat 3 kawasan perkuburan seperti Nirwana Christian Memorial Park dan Semenyih Memorial Park dan di samping sebuah kawasan</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>perkuburan Isam di Kampung Pasir.</p> <p>vi. Ini kerana jika dilihat kawasan sekitarnya kurangnya terdapat pembangunan perumahan terancang. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya permintaan perumahan di kawasan ini akibat terdapatnya tanah perkuburan di sekitarnya.</p> <p>4.5.3 Jawatankuasa membuat pertimbangan:</p> <p>i. <b>Bersetuju</b> Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menanggung kos pembinaan jalan keluar-masuk ke tanah perkuburan di lot 1147;</p> <p>ii. <b>Menolak</b> cadangan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar untuk menyediakan tapak <i>incinerator, recycle &amp; waste transfer station</i> di kawasan kajian;</p> <p>iii. <b>Menangguhkan</b> semua urusan pemberimilikan tanah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sehingga pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>Kesejahteraan Bandar bersetuju dengan urusan penyediaan jalan keluar masuk ke tapak berkenaan;</p> <p>iv. MPKj memaklumkan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 6/2010 berkaitan perkara ini kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar; dan</p> <p>v. JPBD Selangor hendaklah membentangkan kertas kerja mengenai keperluan penyediaan tanah perkuburan bersepadu Negeri Selangor.</p> <p>i. Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</p>
		<p><b>4.6 Permohonan Pemberimilikan Tanah Bagi Tujuan Pembangunan Di Atas Air Dan Dasar Laut : Pengalaman Di Negeri Perak Darul Ridzuan Dan Negeri Kedah Darul Aman.</b></p>	<p>– PTGS sedang menyediakan Proses Kerja, Kaedah Dan Dasar Bagi Permohonan Pemberimilikan Di Atas Air Dan Dasar Laut bagi Negeri Selangor.</p>
		<p><b>4.7 Laporan Kemajuan Pelaksanaan Petunjuk Bandar Mampan (MURNInet) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.</b></p>	<p>– Semua PBT bertaraf Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran di Negeri Selangor iaitu MBPJ, MPK, MPSJ, MPAJ, MPS, MPKj dan MPSepang telah bersetuju untuk terlibat di dalam pelaksanaan MURNInet JPBD Semenanjung Malaysia pada tahun 2010.</p>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</li> </ul>
		<p><b>4.8 Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program Bandar Selamat Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelaksanaan Program Bandar Selamat di PBT perlu dipertingkatkan berdasarkan kepada sasaran NKRA iaitu mengurangkan jenayah jalanan sebanyak 20% pada akhir tahun 2010;</li> <li>- Mesyuarat Pasukan Petugas Bandar Selamat Peringkat PBT Bil. 2/2010 yang dianjurkan oleh JPBD Semenanjung Malaysia telah mengarahkan 12 PBT di pelbagai negeri untuk menyediakan <i>Crime – Based Mapping</i> (digital) sebelum Jun 2010; dan</li> <li>- Enam (6) PBT di Negeri Selangor yang terlibat untuk menyediakan <i>Crime – Based Mapping</i>(digital) adalah MBSA, MBPJ, MPK, MPS, MPAJ dan MPSJ.</li> </ul>
		<p><b>4.9 Penambahbaikan Urusan Rundingan Bagi Projek – Projek Jabatan Kerja Raya (JKR).</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- JKR, semua PBT dan Jabatan Teknikal Berkaitan telah dimaklumkan tentang penubuhan Jawatankuasa Teknikal JPN dan proses rundingan bagi projek-projek JKR melalui surat JPBD.Sel./B1/0943 bertarikh 19 &amp; 24.11. 2010.</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>4.10 Cadangan Untuk Membatalkan Pengenaan Bayaran Caruman Infrastruktur Sosial Bagi Pembangunan Melebihi 1 Hingga Kurang 5 Ekar Dalam Negeri Selangor.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Satu sesi perbincangan bersama semua PBT, PTGS dan JPBD Selangor dijangka akan diadakan pada pertengahan bulan Disember 2010 bagi menyemak contoh pelaksanaan pembangunan terhadap kawasan lapang bagi lot-lot bersaiz 5 ekar dan ke bawah oleh PBT.</li> <li>- Kertas kerja berkaitan contoh pelaksanaan pembangunan terhadap kawasan lapang bagi lot-lot bersaiz 5 ekar dan ke bawah di kawasan PBT Negeri Selangor akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2010.</li> </ul>
		<b>4.11 Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan Loji Pembersihan Langat 2 Dan Pengagihan Air Di Selangor Darul Ehsan / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Loji Pembersihan Air Langat 2, Kolam Imbangan Hulu Langat, Kolam Air Sungai Besi, Outlet Portal Dan Tapak Pelupusan Enapan) Di Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Oleh Tetuan Pengurusan Aset Air Berhad.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Permohonan ini telah dibawa ke Mesyuarat OSC pada 11.11.2010 dan telah diluluskan dengan syarat. Walau bagaimanapun, surat kelulusan Kebenaran Merancang masih belum dikeluarkan.</li> <li>- Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</li> </ul>
		<b>4.12 Rayuan Permohonan Kebenaran Merancang Cadangan Pembangunan Satu Blok Bangunan Pejabat 9 Tingkat Berserta 2 Tingkat Sub Basemen Tempat Letak Kereta Di Atas Sebahagian Lot 22395, Persiaran Perpaduan,</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendengaran Lembaga Rayuan Negeri Selangor telah dilaksanakan pada 03.12.2010 dengan kemasukan pencelah iaitu Pujangga Budiman Sdn. Bhd. sebagai</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
		<b>USJ 6, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Bagi Pemohon Tetuan Pujangga Budiman Sdn. Bhd.</b>	<p>pemaju;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendengaran seterusnya telah ditetapkan pada 21.12.2010;</li> <li>- Perintah terhadap Pujangga Budiman Sdn. Bhd. dan TM Facilities Sdn. Bhd. untuk tidak membenarkan menjalankan apa-apa kerja yang melibatkan pendirian sebarang status dan seumpama dengannya sehingga 21.12.2010 telah dikeluarkan; dan</li> <li>- Kes ini masih lagi dalam pertimbangan Lembaga Rayuan.</li> </ul>
		<b>4.13 Status Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Selangor Sehingga Mei 2010.</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Maklumat status pewartaan tanah lapang adalah seperti pembentangan kertas kerja Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 6/2010.</li> <li>- Kertas status kemajuan pewartaan tanah lapang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 3/2010.</li> <li>- Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</li> </ul>
		<b>4.14 Cadangan Projek Sambungan LRT Laluan Ampang (AMG) Oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana).</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melalui Cabutan Minit Kertas MMKN No. 47/37/2010 pada 18.11.2010 yang telah disahkan oleh MMKN ke 38/2010 pada 25.11.2010;</li> <li>- MMKN telah menimbang dan meluluskan Cadangan Projek Sambungan LRT Laluan</li> </ul>

**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<p>Ampang dan LRT Laluan Kelana Jaya oleh Syarikat PRASARANA seperti syor 2.0 kertas ringkasan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bagi laluan Ampang, syor yang berkaitan adalah cadangan perletakan Depoh di Kampung Sri Aman yang melibatkan 17 buah rumah;</li> <li>- Maklum balas daripada PRASARANA mengenai cadangan perletakan Depoh di Kampung Seri Aman: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bentuk rupabumi yang rata dan landai;</li> <li>• Jarak jajaran yang panjang 34.7km, memerlukan tempat penyelenggaraan dan simpanan LRT;</li> <li>• Penambahan sebanyak 20 set train LRT pada tahun 2035; dan</li> <li>• Kesukaran untuk mencari tapak cadangan depoh yang luas dan rata di kawasan berdekatan.</li> </ul> </li> <li>- Jabatan Ketua Pengarah Tanah &amp; Galian (Persekutuan) Negeri Selangor (JKPTG) telah menghantar sesalinan Pelan Pengambilan Tanah melalui surat bil. JKPTG(SEL) 100-2/46 bertarikh 07.12.2010 bagi Projek Sambungan LRT Laluan Ampang (FASA III);</li> </ul>



**SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT  
JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010**

<b>BIL. MESYUARAT</b>	<b>TARIKH MESYUARAT</b>	<b>AGENDA / KERTAS RINGKASAN</b>	<b>KEPUTUSAN</b>
			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelan Pengambilan Tanah bagi Projek Sambungan LRT Laluan Ampang (FASA III) ini melibatkan keluasan sebanyak 30.485 hektar dengan jumlah lot sebanyak 113 dari Bandar Putra Heights hingga ke Bandar Puchong Perdana.</li> <li>- Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</li> </ul>
		<p><b>4.15 Cadangan Projek Sambungan LRT Laluan Kelana Jaya Oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana).</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melalui Cabutan Minit Kertas MMKN No. 47/37/2010 pada 18.11.2010 yang telah disahkan oleh MMKN ke 38/2010 pada 25.11.2010;</li> <li>- MMKN telah menimbang dan meluluskan Cadangan Projek Sambungan LRT Laluan Ampang dan LRT Laluan Kelana Jaya oleh Syarikat PRASARANA seperti syor 2.0 kertas ringkasan;</li> <li>- Bagi Laluan LRT Kelana Jaya, antara syor yang berkaitan syarikat PRASARANA perlu mengambilkira cadangan laluan alternatif bagi sambungan dari stesen 10 melalui Kawasan Perindustrian HICOM, Taman Bunga Negara, Taman Alam Indah, Taman Megah dan berakhir di Stesen 13, Putra Height;</li> <li>- Maklum balas dari PRASARANA adalah :- <ul style="list-style-type: none"> <li>• Laluan Cadangan asal yang dikemukakan oleh PRASARANA tidak</li> </ul> </li> </ul>

## SENARAI KERTAS RINGKASAN YANG DIBENTANGKAN DI MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2010

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	AGENDA / KERTAS RINGKASAN	KEPUTUSAN
			<p>melibatkan sebarang perobohan bangunan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan yang menyeluruh;</li> <li>• Kos yang rendah; dan</li> <li>• Kesan sosial yang minima.</li> </ul> <p>– Perkara ini dipohon untuk keluar minit.</p>
		<p><b>4.16 Kertas Perakuan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pelan Induk Di Bukit Serai, Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan TPPT Sdn. Bhd.</b></p>	<p>– Cadangan pemajuan ini akan dikemukakan semula kepada Jawatankuasa untuk mendapat pandangan dan nasihat sebelum diangkat ke MPFN mengikut Subseksyen 22(2A), Akta 172 bagi kategori pembangunan suatu perbandaran baru dan meliputi kawasan yang lebih daripada 100 hektar.</p>
		<p><b>4.17 Cadangan Projek Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) Seksyen Timur Secara Penswastaan.</b></p>	<p>– Cadangan Projek Lebu Raya Lingkaran Luar Kuala Lumpur telah dibentangkan ke Mesyuarat EXCO-MTES Bil. 32/2010 pada 19.11.2010.</p> <p>– Mesyuarat telah memutuskan kajian lanjut perlu dilaksanakan dengan mendapatkan input-input pakar.</p>